

## **Pekerja Berpengetahuan di Iskandar Malaysia mesti mendapatkan kelulusan Menteri**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menasihatkan pembayar cukai yang berhasrat membuat tuntutan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan masing-masing sebagai Pekerja Berpengetahuan bagi menikmati kadar rata cukai 15 peratus harus terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan.

Bajet 2010 yang lalu telah mencadangkan insentif kadar rata cukai 15 peratus atas pendapatan bercukai daripada penggajian dikenakan kepada **Pekerja Berpengetahuan Diluluskan** yang bekerja dengan syarikat yang ditetapkan di Iskandar Malaysia.

LHDNM juga menjelaskan bahawa seseorang Pekerja Berpengetahuan akan mendapat manfaat daripada kadar rata cukai 15 peratus apabila pendapatan bercukai tahunan beliau adalah melebihi 106,200 ringgit Malaysia. Pendapatan bercukai di bawah 106,200 ringgit lebih sesuai menggunakan kadar cukai berjadual biasa untuk individu kerana kadarnya rendah.

Seseorang Pekerja Berpengetahuan yang ingin mendapatkan kelayakan bagi menikmati insentif tersebut haruslah:

1. Memohon pekerjaan dan bekerja dengan syarikat yang ditetapkan di Iskandar Malaysia di antara 24 Oktober 2009 dan 31 Disember 2015;
2. Menetap di Iskandar Malaysia dalam tahun taksiran berkenaan;
3. Membuat permohonan kepada Menteri Kewangan melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) bagi mendapatkan kelulusan sebagai Pekerja Berpengetahuan di Iskandar Malaysia;
4. Mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan; dan

5. Memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan 2010 (Penentuan Pekerja Berpengetahuan, Aktiviti Yang Layak dan Wilayah Yang Ditentukan) atau dikenali sebagai P.U. (A) 344/2010.

Penjelasan lanjut tentang permohonan Pekerja Berpengetahuan boleh didapati daripada laman web rasmi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar di <http://iskandarmalaysia.com.my>.

IRDA boleh juga dihubungi seperti berikut:

**Telefon (Kuala Lumpur, waktu pejabat sahaja):** 03-2260 6777

**Emel:** [enquiries@irda.com.my](mailto:enquiries@irda.com.my)

**Alamat:**

Iskandar Service Center

Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

#G-01 Block 8 Danga Bay

Jalan Skudai

80200 Johor Bahru

atau

Suite 5-3 5 Floor Block 3B

Plaza Sentral

50450 Kuala Lumpur

Sebarang pertanyaan dan kemosykilan berkaitan hal ini boleh diajukan kepada **Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM** di talian **1-300-88-3010** atau melalui e-mel [callcentre@hasil.gov.my](mailto:callcentre@hasil.gov.my).

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	:	<b>Masrun bin Maslim</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	:	<b>27 April 2011</b>
<b>Nombor Telefon</b>	:	<b>03-6203 1380</b>
<b>Nombor Faks</b>	:	<b>03-6201 2434</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	:	<b>1-300-88-3010</b> <a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a>